

15/09/2003

MDC tumpukan syarikat multinasional melabur di MSC

Hizral Tazzif Hisham

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC), agensi seahenti yang diberi mandat memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memberi tumpuan utama kepada syarikat multinasional yang menjadi peneraju dalam bidang masing-masing sebagai satu daripada strategi untuk menggalakkan lebih banyak syarikat terkemuka dunia melabur di koridor berkenaan.

Ketua Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohd Arif Nun, berkata ia juga akan memberi tumpuan kepada syarikat yang mempunyai nilai pasaran tinggi untuk dipelawa melabur di samping bekerjasama dengan agensi kerajaan sedia ada seperti Mida dan Matrade serta melakukan kajian teliti peluang untuk usahawan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan tambah nilai.

"Ini sebahagian daripada kertas cadangan yang akan dimajukan kepada kerajaan untuk mendapat kelulusan bagi memastikan mandat diberikan dalam Bajet 2004 dapat dilaksanakan," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah kerajaan memperluaskan bidang kuasa MDC ala MIDA yang bertanggung jawab untuk memegang tangan dan menuntun pelabur bagi mendapatkan kelulusan daripada pelbagai pihak supaya projek mereka dapat dilaksanakan segera dalam Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menaruh sepenuh kepercayaan kepada MDC untuk menerajui pembangunan pesat MSC, beliau berkata, satu strategi bersepadu akan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan MSC yang sudah memasuki fasa kedua pembangunannya akan dapat berjalan dengan lancar.

Beliau berkata, secara keseluruhan bajet kali ini menggalakkan syarikat utama tempatan memanfaatkan produk dan perkhidmatan ICT keluaran negara sebagai galakan dan bukti terhadap kemampuan syarikat tempatan menghasilkan produk bertaraf antarabangsa.

"Tumpuan bajet kali ini lebih kepada meningkatkan pelaburan tempatan sekali gus akan menambah pengeluaran dan penggunaan barangan dan produk ICT tempatan untuk pasaran Malaysia dan eksport selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara dagang sepenuhnya seperti yang ditetapkan dalam bajet terbabit," katanya

Mohd Arif berkata, MDC akan terus melipatgandakan usaha meningkatkan jumlah usahawan ICT tempatan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) sebagai langkah memberikan tambah nilai kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

"MDC akan turut memastikan sasaran fasa kedua pelaksanaan MSC akan dapat dipenuhi sebagai mana yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai hub untuk perkhidmatan sumber luar dan perkongsian perkhidmatan akan memberi faedah besar kepada negara selaras dengan strategi melonjakkan negara dalam rantaian nilai dan juga perkhidmatan tambah nilai.